# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 8 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | HARAPAN PELADANG PADA MAT SABU, RENCANA, UM -17 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | TUBUH PASUKAN KHAS ATASI ISU PENCEMARAN LADANG BABI, DALAM NEGERI, UM -30 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | PESAWAH TERTEKAN!, LOKAL, HM -17<br>TIADA BEKALAN BENIH PADI JEJAS MUSIM TANAMAN, NASIONAL, BH -14<br>'BEKALAN LAMBAT, KAMI BELI BENIH PADI SENDIRI', NEGARA, KOSMO -5<br>HARGA BENIH PADI 'CEKIK DARAH' PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -6<br>20 PERUNCIT JUAL BENIH PADI SAH DITARIK LESEN SERTA-MERTA, DALAM NEGERI, UM -6 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 8. | BENIH PADI DI PERAK MENCUKUPI, DALAM NEGERI, UM -6 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | SERANGAN PENYAKIT RESAHKAN 200 PESAWAH DI PERMAISURI, NEGARA, KOSMO -16<br>HARGA AYAM KEKAL STABIL SELEPAS PENGAPUNGAN -KPDN, NASIONAL, SH -8<br>HARGA BOLEH CECAH RM12 SEKILOGRAM!, LOKAL, HM -20<br>PEMBORONG, PERUNCIR AYAM BERSAING TAWAR HARGA LEBIH KOMPETITIF, LOKAL, HM -20<br>APUNG HARGA AYAM JADIKAN INDUSTRI LEBIH BERDAYA SAING, KOMENTAR, BH -11<br>CHICKEN PRICE FLOAT EXPECTED TO BENEFIT CONSUMERS, NATIONAL, THE SUN -3 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 17 |

# Harapan peladang pada Mat Sabu




GHULAM SARVER MOBARAK ALI


SEMPENA Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (PPNPK) 2023 di Ipoh, Perak pada 10 hingga 12 November ini, sebagai peladang berskala kecil sejak tiga dekad lalu, saya menaruh harapan tinggi kepada kepemimpinan Datuk Seri Mohamad Sabu atau lebih mesra disapa Mat Sabu yang menerajui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) agar mengupayakan setiap jabatan dan agensi di bawahnya dengan penyampaian perkhidmatan bermutu.

Kita tidak boleh merayu-rayu meminta negara luar mengeksport makanan penting seperti beras, ayam dan telur. Negara mampu menghasilkan semua produk itu. Beberapa cabaran dan kelemahan boleh diatasi dengan tindakan pembetulan segera jentera KPKM.

Rakyat kini berhadapan kesukaran memperoleh makanan dengan harga patut akibat beberapa sebab seperti peperangan Russia-Ukraine, perubahan iklim, kesan El Nino dan kejatuhan nilai mata wang negara. Faktor makanan merupakan faktor utama sesebuah kerajaan kelihatan lemah. Akibatnya, negara akan mengalami gangguan ketidakstabilan politik.

Hasil penelitian tentang cabaran pertanian negara, saya mencadangkan beberapa langkah jangka pendek yang dapat meningkatkan lagi sekuriti makanan negara.

Pertama, pelaksanaan penilaian kendiri secara jujur perkhidmatan dan produktiviti jentera KPKM. Mulakan dengan bedah siasat ucapan bekas menterinya, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 6 Januari 2020 kepada warga kementeriannya. Tidak pernah seorang menteri lantang secara terbuka melahirkan kekecewaan dengan prestasi kementerian diterajuinya. Jelas beliau meluahkan isi hati cara kementeriannya berfungsi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan sekali gus mengeluarkan peladang, penternak dan nelayan daripada belenggu kemiskinan berpanjangan.



PENULIS menaruh harapan tinggi kepada Mohamad Sabu agar mengupayakan setiap jabatan dan agensi di bawah kementeriannya dengan penyampaian perkhidmatan bermutu. – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

> **"Setelah tiga tahun mesyuarat, 'kerangka-kerangka' diadakan, apakah hasilnya difahami dan dilaksanakan di peringkat daerah?"**

Antara lain katanya, "Objektif utama MOA (Kementerian Pertanian) wujud adalah untuk membekalkan makanan yang secukupnya kepada negara. Saya akan merombak polisi yang lapuk dan ketinggalan zaman. Bukan masa untuk kita bermain-main dengan tugas yang diberikan kepada kita dan saya akan memastikan bahawa segala punca kuasa yang ada pada saya akan saya laksanakan sepenuhnya. Saya mahu MOA memastikan semua arahan dari saya melalui KSU (Ketua Setiausaha) mesti dilaksanakan dengan sempurna. Jangan lupa golongan sasar di luar sana sangat mengharapkan sentuhan kasih dari tangan kita."

Bukan sekadar mengambil iktibar ucapan Salahuddin dalam majlis itu sahaja diteliti, kata-katanya semasa mempengerusikan pelbagai mesyuarat di KPKM dikumpul untuk dijadikan panduan dan kajian kes. Salahuddin dikesan menggunakan kaedah 'mata hati' bagi memahami aspirasi rakyat sebab telah lama berkecimpung dalam politik. Salahuddin faham kesukaran rakyat mendapatkan perkhidmatan jabatan kerajaan akibat kerenah birokrasi.

**KRITIKAL, KREATIF**

Kedua, KPKM mengambil langkah transformasi dan usaha memperkasakan semua pejabat peringkat daerah seperti Pejabat Pertanian, Pejabat Veterinar, Pejabat Perikanan dan sebagainya dengan memastikan kepimpinan, ilmu, kemahiran dan integriti pegawai berada pada tahap tinggi. Merekalah yang membantu pengusaha pertanian menangani permasalahan melalui pemikiran kritikal dan kreatif. Dasar-dasar pertanian dan agromakanan yang digubal akan gagal jika pejabat-pejabat ini tidak dibantu dengan memastikan keberkesanan perkhidmatan. Pegawai di peringkat daerahlah yang berada di barisan hadapan memastikan dasar dan arahan KPKM dijayakan.

Di peringkat KPKM, menteri dan pegawai tinggi mengumumkan bermacam-macam rancangan tentang kedaulatan makanan, namun kementerian hendaklah memastikan pegawai di peringkat daerah faham dan bersedia melaksanakannya. Contohnya, media massa pada 25 Oktober lalu melaporkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara mengetengahkan lapan kertas kerja dalam memastikan keterjaminan dan kestabilan makanan selamat serta mencukupi. Adakah pegawai-pegawai di peringkat daerah sebagai pelaksana faham dan seterusnya berupaya menterjemahkan cadangan-cadangan itu? Kejayaan sesuatu dasar bergantung sejauh mana ia dilaksanakan, bukan sekadar tinggal catatan sahaja.

Sebelum itu, mesyuarat pada 8 September 2020 memperakui cadangan Kerangka Sekuriti Makanan Negara oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FOA). Di bawah kerangka berkenaan, empat kluster diwujudkan di bawah tiga kementerian dan satu agensi berfungsi mengetengahkan isu dan cadangan penyelesaian berhubung rantaian sistem makanan serta pelaksanaan strategi yang dikenal pasti.

Setelah tiga tahun mesyuarat, 'kerangka-kerangka' diadakan, apakah hasilnya difahami dan dilaksanakan di peringkat daerah?

Ketiga, KPKM berusaha mengurangkan kerenah birokrasi terutama membabitkan isu pemberian insentif, subsidi, perolehan, khidmat nasihat serta tempoh menunggu yang dikesan mengganggu usaha merancakkan pengeluaran makanan negara.

Keempat, surat, e-mel dan aduan permasalahan serta pandangan peladang, penternak, nelayan dan pelanggan lain hendaklah diterima secara positif oleh KPKM. Sikap defensif mempertahankan pegawai kementerian tanpa penyelesaian masalah secara munasabah tidak membawa kemajuan.

Kelima, KPKM mempergiatkan konsep gagasan *rahmatan lil'alamin* di semua jabatan dan agensinya berfokus kepada pengurusan yang berkesan, cekap, peduli rakyat, telus dan berintegriti. Di samping itu, sikap empati pegawai akan membantu mereka memahami pelbagai cabaran dilalui oleh pihak yang menceburkan diri dalam bidang pertanian mengikut kerangka kemanusiaan dan kebertanggungjawaban.

Golongan pengusaha pertanian seluruh negara menghargai usaha kerajaan mengadakan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan sebagai pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam bidang pertanian.


PENULIS ialah peladang dari Bidor, Perak

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Tubuh pasukan khas atasi isu pencemaran ladang babi

**TASEK GELUGOR:** Kerajaan Negeri Pulau Pinang digesa segera menubuhkan pasukan khas bagi memuktamadkan isu pencemaran berkaitan ladang babi yang menghantui penduduk Kampung Selamat, dekat sini sejak lebih 40 tahun lalu.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, pasukan khas yang dianggotai pelbagai jabatan dan agensi kerajaan itu mampu mengurangkan beban Jabatan Veterinar yang menjadi agensi tunggal mengatasi masalah tersebut.

"Pencemaran di sini sangat serius kerana bukan setakat pencemaran bau, malah melibatkan sungai dan alam sekitar serta mengganggu keselesaan penduduk sekitar.

"Pendapatan nelayan juga terjejas, pengeluaran padi turut terkesan disebabkan pencemaran yang berlaku di sini," katanya selepas menghadiri sesi taklimat berhubung cadangan pembinaan loji biogas ladang babi di kawasan itu kelmarin.

Dalam pada itu, Wan Saiful berpandangan, cadangan pembinaan loji biogas terbabit dikhuatiri lebih menimbulkan masalah di kampung terbabit.

Katanya, ia susulan kapasiti loji biogas terbabit yang besar sekali gus lebih banyak sisa buangan babi diperlukan bagi membolehkannya beroperasi.

"Loji biogas ini dapat memproses sisa buangan 100,000 ekor babi sedangkan ternakan di sini hanya ada kira-kira 60,000 ekor babi.



WAN Saiful Wan Jan menunjukkan antara hasil tinjauan dilakukan pihaknya berhubung operasi ladang babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, kelmarin. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

"Kita khuatir sekiranya bahan buangan perlu diimport dari ladang lain dan menjadi 'petanda' untuk penternak menambah jumlah ternakan mereka sedangkan penduduk setempat mahu ia dikurangkan," katanya.

Oktober lalu, media melaporkan kerajaan memandang serius pencemaran yang berpunca dari 64 ladang ternakan yang belum dapat diselesaikan.

Setakat 30 September lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang mengeluarkan 20 kompaun bernilai RM152,500 kepada pengusaha ladang yang gagal mematuhi Peraturan Pelesenan Penternakan Babi 2020.

Selain itu, sehingga 27 Oktober lalu, sebanyak 58 ladang ternakan berlesen dibenarkan beroperasi di kampung itu, dua ladang dalam proses penutupan dan empat diarahkan ditutup kerana tidak mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |



HANYA kira-kira 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24 akibat masalah ketiadaan bekalan BPS.

### HARGA BENIH PADI SAH NAIK MENDADAK

# Pesawah tertekan!


Oleh M Hifzuddin Ikhsan
am@hmetro.com.my


**Alor Setar**

Pesawah di negeri ini kian tertekan apabila harga benih padi sah (BPS) mengalami kenaikan harga mendadak sekali gus merencatkan musim penanaman padi.

Perkara itu didedahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang mendapati hanya kira-kira 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24 akibat masalah ketiadaan bekalan BPS.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata jumlah itu adalah jauh dari jadual ditetapkan Mada yang sepatutnya sudah mencapai lebih 50 peratus apabila musim tanaman bermula September lalu.

Jelasnya, punca utama berlaku kelewatan adalah kerana pesawah sukar mendapatkan BPS pada harga RM45 per 20 kilogram (kg) daripada pembekal dilantik kerajaan.

"Pilihan yang ada adalah membelinya daripada peruncit pada harga lebih RM50.

"Jika ikut jadual penanaman musim 2023/24, sejumlah 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah Mada sepatutnya selesai menabur benih padi mulai 27 September hingga 11 November ini.

> **"Pilihan yang ada adalah membeli daripada peruncit pada harga lebih RM50"**
> Dr Ismail

"Fasa kedua menabur pula bermula 7 Oktober hingga 21 November membabitkan kawasan seluas 32,900 hektar dan fasa ketiga bermula 17 Oktober hingga 1 Disember pula merangkumi 34,161 hektar.

"Jika jadual menabur mengikut jadual, sepatutnya sudah lebih 50 peratus kawasan sudah memulakan tanaman baharu, tapi yang berlaku hanya 10.6 peratus dapat melakukan proses itu," katanya semalam.

Dr Ismail berkata, punca utama kelewatan ini berlaku adalah kerana pesawah gagal mendapatkan BPS yang disalurkan pembekal kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Jelasnya, beliau turut dimaklumkan peningkatan harga runcit BPS yang kini berharga lebih RM50 per 20 kg turut menyebabkan pesawah yang berada di luar kawasan tanaman Mada berhadapan masalah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Tiada bekalan benih padi jejas musim tanaman



*Hanya 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24.* (Foto hiasan)

**Alor Setar:** Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendedahkan hanya 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24 akibat masalah ketiadaan bekalan benih padi sah (BPS).

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata jumlah itu adalah jauh lebih rendah berbanding jadual ditetapkan MADA yang sepatutnya sudah mencapai lebih 50 peratus apabila musim tanaman bermula September lalu.

Beliau berkata, kelewatan disebabkan pesawah sukar mendapatkan BPS pada harga RM45 setiap 20 kilogram (kg) daripada pembekal dilantik kerajaan dengan pilihan yang ada adalah membelinya daripada peruncit pada harga lebih RM50.

"Jika ikut jadual penanaman musim 2023/24, sejumlah 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah MADA sepatutnya selesai menabur benih padi mulai 27 September hingga 11 November ini.

"Fasa kedua menabur ialah 7 Oktober hingga 21 November membabitkan kawasan seluas 32,900 hektar dan fasa ketiga bermula 17 Oktober hingga 1 Disember merangkumi 34,161 hektar.

"Mengikut jadual, sepatutnya lebih 50 peratus kawasan sudah memulakan tanaman baharu, tapi hanya 10.6 peratus dapat melakukan proses itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Ismail berkata, pesawah gagal mendapatkan BPS disalurkan pembekal kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Beliau turut dimaklumkan peningkatan harga runcit BPS lebih RM50 setiap 20kg turut menyebabkan pesawah di luar kawasan tanaman MADA berhadapan masalah.

"Kawasan luar MADA hanya mencapai 10 peratus proses menabur benih kerana harganya terlalu tinggi dan menjejaskan hasil selepas padi dituai.

"Hanya PPK tertentu mendapat bekalan BPS pada harga ditetapkan kerajaan, sedangkan pembekal swasta menggunakan ejen bagi menjual benih padi pada harga lebih RM50 setiap 20 kg.

"Sepatutnya, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras ambil tindakan tegas kepada ejen swasta ini kerana tidak memberi kerjasama dan tidak patuh arahan kerajaan dengan ini menunjukkan sikap degil mereka," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |

# 'Bekalan lambat, kami beli benih padi sendiri'

**SUNGAI PETANI** – Sebilangan pesawah di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kuala Muda Selatan yang gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS) terpaksa membeli sendiri tanaman itu bagi menampung kehidupan masa depan.

Pesawah dari Kampung Sintok Bugis, Kota Kuala Muda, dekat sini, Mohd. Farhan Mohamed, 38, berkata, dia membeli 300 kampit benih padi varieti MR297 sejak 10 hari lalu.

"Namun, ia masih tidak cukup bagi 34.53 hektar sawah yang saya usahakan. Saya berharap dapat bantuan bekalan.

"Sepatutnya kerja-kerja menabur benih telah selesai sejak Oktober lalu," katanya.

Semalam *Kosmo!* melaporkan proses penanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) musim ini tidak mematuhi jadual ditetapkan apabila hanya merangkumi keluasan 10.6 peratus berbanding melebihi 50 peratus jika mengikut jadual asal.

Mengikut jadual penanaman pada musim ini, sebanyak 33,580 hektar kawasan sawah MADA sepatutnya sudah mula ditabur BPS sejak 27 September hingga 11 November ini bagi fasa satu.

Menurut Mohd. Farhan, kebanyakan pesawah terpaksa membeli sendiri benih padi meskipun pada harga tinggi antara RM52 hingga RM54 bagi setiap kampit benih seberat 20 kilogram.

Pesawah Kampung Sungai Emas Kota Kuala Muda, Mohd. Yatim Ismail, 64, berkata, mereka sudah mula menabur benih padi sejak 10 hari lalu.

"Kami dah tak boleh berharap dengan bekalan benih padi sedia ada dan terpaksa beli sendiri benih padi dari luar.

"Krisis benih padi itu semememangnya memberi kesan kepada petani dan seharusnya ia ditangani segera supaya tidak berlanjutan dan menjejaskan bekalan beras negara," ujarnya.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah mendakwa, PPK di Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus sukar mendapatkan bekalan BPS untuk dijual kepada petani pada harga RM45 setiap kampit seperti yang diselaraskan kerajaan.



**PESAWAH terpaksa membeli benih padi sendiri untuk memulakan penanaman ekoran krisis yang melanda pesawah di utara tanah air.** – GAMBAR HIASAN




KERATAN *Kosmo!* semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Benih padi di Perak mencukupi

**BAGAN SERAI:** Golongan pesawah di negeri ini tidak perlu bimbang tentang stok benih padi kerana bekalannya sentiasa mencukupi.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perak, Datuk Sham Mat Sahat berkata, untuk itu, golongan berkenaan diminta tidak mempercayai khabar angin tentang kekurangan stok benih dan berlaku suasana panik.

"Sehinggakan ada yang membeli benih padi tidak sah. Tindakan itu merugikan pesawah dan yang mendapat untung ialah pihak yang menjual benih padi yang tidak sah," katanya selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di sini kelmarin.

Menurut Sham, sekiranya berlaku kekurangan benih padi, pesawah boleh membuat aduan atau merujuk perkara itu kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kawasan masing-masing.

Beliau berkata, contohnya di Bagan Serai, ada pesawah yang mengadu agak sukar mendapat benih padi dan beliau terus berhubung dengan pihak kawal selia bagi mendapat maklumat tentang dakwaan itu.

"Saya diberitahu stok bekalan benih padi mencukupi dan saya minta stok bekalan benih padi sebanyak 3,000 beg segera dihantar ke Bagan Serai," katanya.

Sham berkata, apabila pesawah tidak dapat maklumat yang tepat maka berlaku panik sehingga ada yang membeli bekalan benih beg putih yang tidak sah pada harga yang tinggi sehingga mencecah RM70 untuk satu beg 20 kilogram.

"Kerajaan telah mewartakan harga benih padi di pintu kilang pada harga RM41 dan PPK akan menjual kepada pesawah dengan harga RM45 dalam kuantiti yang sama," katanya.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS).

# Harga benih padi 'cekik darah' pesawah

**TUMPAT:** Petani di negeri ini menyifatkan kenaikan harga benih padi ketika ini sebagai 'cekik darah' sekali gus meletakkan mereka dalam keadaan tertekan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Che Harun Omar, 62, berkata, kenaikan itu menambah beban pesawah yang sebelum ini sudah pun berdepan dengan peningkatan harga input pertanian lain seperti racun dan baja.

Menurutnya, sebelum ini, harga satu beg seberat 20 kilogram benih padi dijual pada harga RM35 tetapi sekarang naik kepada RM45.

"Harga yang melambung itu dikesan selepas kerajaan mengumumkan kenaikan harga lantai padi baru-baru ini," katanya ditemui di Kampung Bendang Pak Yong di sini semalam.

Che Harun memberitahu, dia memerlukan lebih 300 guni benih padi setiap kali memulakan musim baharu tanaman padi.

"Bayangkan berapa banyak kos yang perlu ditambah untuk musim ini. Kenaikan ini cukup membebankan kerana dalam masa yang sama, racun juga naik harga," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Abdullah Mat Yusoff, 60, berkata, kerajaan perlu bertindak mengawal kenaikan harga benih padi yang melampau ini.

## Jual melebihi harga RM45 yang ditetapkan kerajaan

# 20 peruncit jual benih padi sah ditarik lesen serta-merta

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 20 peruncit yang menjual benih padi sah (BPS) melebihi harga RM45 yang ditetapkan kerajaan ditarik lesen serta-merta dan tidak dibenarkan menjual BPS kepada pesawah.

Mengesahkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, tindakan itu dilaksanakan bermula hari ini berikutan aduan daripada golongan pesawah yang sukar mendapatkan bekalan benih padi manakala harganya melambung tinggi.

Untuk itu, katanya, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan bagi menyemak kesemua 439 peruncit benih padi di seluruh negara bagi memastikan tidak ada mana-mana pihak melanggar harga jualan yang ditetapkan.



**SEORANG** pesawah membuat persediaan untuk memulakan musim baharu tanaman padi walaupun berdepan isu bekalan dan harga benih.

Tegas beliau, semua peruncit benih padi terutama di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak yang didapati melanggar harga jualan itu, surat kebenaran jualan benih padi akan dibatalkan serta-merta.

"Saya sebagai Ketua Pengarah boleh membatalkan serta-merta surat jualan dan setakat ini terdapat 20 syarikat di Kedah sudah dibatalkan kerana menjual melebihi harga ditetapkan.

"Jika ada pesawah atau pihak berkenaan mempunyai bukti, tolong hantar laporan kepada kita melalui agensi Kawal Selia Padi dan Beras di empat negeri tersebut supaya kita boleh membatalkan serta-merta surat kebenaran jualan mereka," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Azman berkata, kerajaan memberi jaminan stok bekalan BPS adalah mencukupi untuk kerja-kerja menanam musim kedua padi terutama di Perlis dan Kedah.

Beliau berkata, pengeluaran benih padi adalah dilaksanakan secara berperingkat bagi keperluan kawasan bertanam di utara yang memerlukan sekitar 900,000 kampit benih untuk tanaman musim kedua ini.

Menurut beliau, setakat ini, sebanyak 420,065 kampit benih sudah diluluskan bagi kegunaan di Kedah dan Perlis dengan rekod pengeluaran 89,723 kampit benih pada 18 Oktober lalu, 151,200 kampit benih pada 26 Oktober dan 179,142 kampit benih pada 3 November 2023.

Pada masa sama, kata beliau, terdapat sekitar 914,225 kampit benih masih dalam proses kelulusan makmal oleh Jabatan Pertanian yang akan diluluskan pengeluaran secara berperingkat setiap minggu.

"Pengeluaran benih padi secara mingguan kerana ia mempunyai tempoh jangka hayat iaitu tidak boleh digunakan melebihi tiga atau empat bulan sahaja.

"Stok benih padi adalah mencukupi dan fasa kedua menabur benih padi masih belum berakhir dan masih berada dalam tempoh yang akan berakhir pada 21 November ini. Sekarang masih dalam tempoh fasa satu menabur yang hanya berakhir pada 11 November ini.

"Maknanya semua kena bersabar. Sekarang ini di Kedah musim hujan, kalau tabur benih sekarang air bertakung menyebabkan benih tidak boleh tumbuh dan perlu menabur sekali lagi menyebabkan berlaku pembaziran, jadi kena selari dengan cuaca sekarang," katanya di sini semalam.

Azman berkata, kerajaan memberikan subsidi benih padi sebanyak RM1.03 per kilogram (kg) dan pesawah memerlukan sekitar tujuh hingga 10 beg (1 beg bersamaan 20 kg) untuk keluasan satu hektar sawah yang memerlukan 140 kg hingga 200 kg.

Mengulas lanjut, Azman berkata, berdasarkan semakan setakat ini, tidak ada unsur-unsur menyorok benih kerana setiap pengeluar dilantik oleh kerajaan.

Cuma, katanya, mereka tidak boleh lagi menjual pada masa ini kerana masih tidak ada kelulusan di pihak makmal yang dipantau setiap minggu.

"Pengeluaran adalah secara berperingkat, kita tidak boleh mengeluarkan secara besar-besaran kerana dikhuatiri akan ada manipulasi atau penipuan dengan menukar kepada benih padi tidak sah," katanya.

Beliau turut memberitahu, benih padi tidak boleh diimport kerana 12 pengeluar berlesen itu menggunakan varieti padi yang disahkan, diproses secara kawalan di makmal bagi mengelak jangkitan penyakit dan melalui penilaian biosekuriti negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Serangan penyakit resahkan 200 pesawah di Permaisuri



DZULKIFLI menunjukkan sebahagian pokok padinya yang terkena penyakit BLB dan BPB di Kampung Buluh Hilir, Permaisuri, Setiu semalam.

**SETIU** – Seramai kira-kira 200 pesawah di Kampung Buluh Hilir, Permaisuri di sini, mengadu mengalami kerugian apabila tanaman mereka diserang penyakit hawar daun bakteria (BLB) dan hawar bulir bakteria (BPB) setiap kali pusingan penanaman sejak tahun lalu.

Kedua penyakit itu menyebabkan butir pokok padi yang ditanam menjadi hampa atau tidak berisi sekali gus mengurangkan timbangan apabila dituai.

Salah seorang pesawah, Dzulkifli Rashid, 46, berkata, penyakit BLB dan BPB tersebut juga menyebabkan pokok padi yang sepatutnya berwarna hijau keemasan bertukar menjadi merah.

"Penyakit ini sukar dikesan pada peringkat awal penanaman dan hanya diketahui apabila pokok padi sudah sedia untuk dituai.

"Ia menyerang hampir 80 peratus sawah padi yang diusahakan kami menyebabkan kerugian dialami seorang pesawah masing-masing mencecah RM10,000 pada setiap musim," katanya ketika ditemui di bendang sawahnya di Kampung Buluh Hilir, Permaisuri di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Johari Deraman, 57, berkata, pelbagai inisiatif telah diambil pesawah bagi menyelesaikan isu serangan penyakit itu, namun setakat ini ia masih belum berhasil.

Dia berkata, antara pendekatan yang sudah diambil ialah menyembur racun serangga dan menukar kepada benih padi yang lebih berkualiti.

"Sebelum ini, kami guna benih varieti padi MR 219 sebelum ditukarkan kepada M297 dan MR269 namun serangan BLB dan BPB masih belum berakhir.

"Tambah mengecewakan kami, kami turut berhadapan ancaman haiwan perosak seperti siput dan tikus yang lagi mengurangkan hasil tanaman," katanya.

Marzuki Ibrahim, 49, pula berkata, sebagai jalan penyelesaian jangka pendek, mereka memutuskan untuk menuai padi lebih awal iaitu kurang 100 hari berbanding tempoh matang sebenar iaitu 150 hari.

"Memang kuantiti dan kualiti beras dihasilkan berkurangan kerana dituai sebelum matang tetapi jika dibiarkan sehingga 150 hari, kebanyakan butir padi dituai menjadi hampa pula.

"Masalah yang semakin berlarutan ini amat meresahkan kami kerana modal dikeluarkan untuk mengusahakan sawah padi sudah semakin tinggi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Harga ayam kekal stabil selepas pengapungan - KPDN

**SHAH ALAM -** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan harga ayam kekal stabil selepas pengapungan yang bermula pada 1 November lalu.

KPDN berkata, sehingga kini, rata-rata penjualan ayam menunjukkan harga yang berpatutan dan tiada kenaikan mendadak di pasaran.

"Pihak kementerian melalui pasukan penguat kuasa dan pegawai pemantau harga akan sentiasa memantau bekalan serta pergerakan harga ayam.

"Seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga yang mengambil kesempatan menjual pada harga tidak munasabah," katanya menerusi hantaran di platform X pada Selasa.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan kerajaan bersetuju agar subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan sepenuhnya berkuat kuasa 1 November lalu bagi mengurangkan ketirisan yang mana pada ketika ini turut dinikmati warga asing serta golongan berpendapatan tinggi.

Bagaimanapun, Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

KPDN turut mencadangkan orang ramai untuk membuat perbandingan harga melalui aplikasi Price Catcher dan melaporkan sebarang salah laku peniaga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |


# Harga boleh cecah RM12 sekilogram!

*Peniaga di Kelantan jangka harga ayam naik bulan depan*

**Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim**
nfazlina@nstp.com.my

**Kota Bharu**

Peniaga di Kelantan menjangkakan harga bekalan ayam boleh mencecah sehingga RM12 sekilogram pada Disember depan.

Mereka mendakwa, ini berikutan Disember adalah musim cuti sekolah selain banyak majlis kenduri serta musim tengkujuh sekali gus permintaan tinggi.

Pada masa sama, mereka turut memaklumkan harga ayam kini masih mampu dijual dengan harga murah disebabkan bekalan ayam banyak susulan orang ramai mengambil pendekatan boikot terhadap kedai tertentu.

Peniaga, Abdullah Ahmad, 52, berkata, sudah tentu harga ayam akan naik memandangkan tiada lagi subsidi sebagaimana sebelum ini.

"Bagaimanapun berapa banyak yang akan naik hanya akan dirasai apabila orang ramai sudah tidak memboikot kedai tertentu dan permintaan ayam kembali meningkat seperti biasa.

"Namun kita jangkakan Disember ini harga boleh mencecah sehingga RM12 sekilogram susulan permintaan tinggi memandangkan cuti sekolah dan banyak majlis kenduri selain musim banjir.

"Sebelum ini pun ketika ada subsidi, harga ayam juga mahal pada Disember kerana permintaan meningkat berkali ganda berbanding bulan lain," katanya ketika dihubungi.



PEKERJA gerai ayam segar, Faiz Fakri memotong ayam yang ditempah pelanggan di Kampung Pasir Tumbuh, Kota Bharu, semalam.

> *Memang tidak mustahil sekiranya harga ayam mencecah belasan ringgit per kilogram selepas ini"*
>
> **Fahmi**

Beliau yang menjual sebanyak 5,000 ayam sehari bagaimanapun berharap pihak pembekal tidak mengenakan harga yang terlalu tinggi yang boleh membebankan pembeli.

Sementara itu, peniaga yang hanya dikenali sebagai Fahmi, 32, turut memaklumkan harga ayam kini masih boleh dijual dengan harga murah memandangkan bekalan ayam banyak susulan permintaan di kedai tertentu berkurangan.

"Saya rasakan sekiranya tindakan boikot masih berterusan, harga ayam masih murah memandangkan bekalan berlebihan, tapi sekiranya tiada lagi boikot terhadap premis tertentu, mungkin harga akan meningkat.

"Memang tidak mustahil sekiranya harga ayam mencecah belasan ringgit per kilogram selepas ini. Namun saya juga sudah memaklumkan kepada pembekal supaya tidak mengenakan harga yang tidak masuk akal," katanya.

**HARGA AYAM DIAPUNG**

## Pemborong, peruncit ayam bersaing tawar harga lebih kompetitif

**Ipoh:** Langkah kerajaan mengapungkan harga ayam di pasaran sejak 1 November lalu memberi manfaat kepada pengguna berikutan pengeluar, pemborong dan peruncit ayam akan bersaing sesama sendiri bagi menawarkan harga kompetitif kepada pelanggan.

Ketua Jabatan Ekonomi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris Prof Madya Dr Zainizam Zakariya berkata, mereka perlu menawarkan harga kompetitif bagi mengelak risiko kehilangan pelanggan kerana pengguna akan beralih kepada mereka yang menawarkan harga lebih rendah dan berpatutan.

"Hampir seminggu selepas penamatan subsidi ayam, harga yang ditawarkan dalam pasaran adalah kompetitif dan jauh lebih rendah daripada harga bersubsidi iaitu harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah RM8.51 sekilogram dan di Semenanjung Malaysia adalah RM8.49.

"Malah harga ayam yang ditawarkan di pasar raya jauh lebih rendah iaitu serendah RM7.49 sekilogram. Di Terengganu pula media melaporkan harga ayam segar turun sehingga 15 peratus atau RM1.40 sekilogram yang mana kebanyakan peniaga menjual antara RM7.20 dan RM7.99 sekilogram," katanya.

Beliau berkata, langkah kerajaan untuk tidak meneruskan subsidi harga ayam secara tidak langsung mampu menjimatkan perbelanjaan hampir RM4 bilion setahun.

Sehingga Februari lalu, kerajaan sudah membelanjakan subsidi keseluruhan untuk ayam berjumlah RM3.8 bilion dengan manfaat itu dinikmati oleh penternak.

"Hakikatnya walaupun dengan harga bersubsidi, harga ayam masih lagi tinggi semasa musim perayaan. Persoalannya, siapa yang mendapat manfaat berkaitan subsidi harga ayam? Sudah pasti ia bukan dinikmati oleh pengguna," katanya.

Pengapungan harga mengikut mekanisme permintaan dan penawaran itu juga, kata beliau menjadikan industri ternakan ayam bersifat dinamik dan mampu menarik pelaburan dan penggunaan teknologi terkini yang dapat mengurangkan kos pengeluaran. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/11/2023 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |



# Apung harga ayam jadikan industri lebih berdaya saing



Pensyarah Kanan Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Dr Ahmad Hanis Izani Abdul Hadi
bhrencana@bh.com.my

**Penamatan** subsidi dan kawalan harga bagi ayam bermula 1 November lalu dengan telur ayam gred A, B dan C dalam keadaan status-quo, mendapat pelbagai reaksi umum, tetapi rata-ratanya gusar terhadap potensi peningkatan harga ketika kenaikan kos sara hidup dan harga barang makanan serta keperluan lain.

Namun, keputusan kerajaan itu dilihat pendekatan berhati-hati dan mengambil kira kepentingan semua peringkat termasuk pelaksana industri serta pengguna secara keseluruhan.

Menyingkap kembali tempoh subsidi dan kawalan harga dilaksanakan bermula Februari 2022 hingga Oktober 2023, jumlah subsidi dikeluarkan kerajaan mencecah RM3.8 bilion, sekali gus menjadi tempoh paling lama direkodkan dalam menyalurkan dana subsidi kepada industri ayam.

Bagaimanapun, dengan jumlah subsidi dikeluarkan, masalah bekalan ayam dan telur masih berlaku serta turut dilaporkan terdapat kes penternak ayam berskala kecil tidak lagi mampu bertahan dan terpaksa gulung tikar disebabkan kenaikan kos input pertanian.

Hakikatnya, subsidi disalurkan kerajaan sebelum ini juga dilihat tidak memadai untuk menampung jumlah kos pengeluaran. Pada masa sama, harga siling untuk jualan runcit juga ditetapkan pada RM9.40 sekilogram. Justeru, penamatan subsidi ini dilihat pendekatan memastikan kemampanan industri pengeluaran ayam tempatan.

Industri ayam di negara ini adalah kompetitif dan berdaya saing dengan era sebelum pandemik COVID-19, ia berkembang sendiri secara organik tanpa sebarang campur tangan kerajaan.

Industri ayam juga dipelopori swasta dan berjaya menghasilkan kadar sara diri (SSR) bagi ayam dan telur melebihi 100 peratus. Namun, disebabkan kekangan pandemik dan faktor luaran mengganggu pasaran terutama kos input tinggi, industri ayam negara sedikit sebanyak terkesan dengan jumlah pengeluaran ayam dalam negara terjejas.

Direkodkan pengeluaran ayam sebanyak 857,500 ekor pada 2022 berbanding 933,800 ekor direkodkan pada 2018.

## Perlu dinilai lebih terbuka

Penamatan subsidi dan kawalan harga ini secara teorinya akan memberi impak kepada harga pasaran ayam. Peningkatan harga pasaran runcit ayam dijangka berlaku dalam tempoh kitaran pengeluaran ayam seterusnya disebabkan peningkatan kos pengeluaran (tanpa ada subsidi).

Langkah penamatan subsidi dan kawalan harga ini perlu dinilai lebih terbuka. Memandangkan industri ini dipelopori beberapa syarikat swasta berskala ekonomi besar dan mampu meminimumkan kos pengeluaran, peningkatan harga dijangka agak minimum disebabkan syarikat pengeluar ayam akan turut bersaing sesama mereka dalam memastikan harga ditetapkan mampu dibeli pengguna.

Ini akan menjadikan industri pengeluaran ayam lebih kompetitif pada masa hadapan, sekali gus dapat memastikan kemampanan pengeluaran ayam dalam negara.

Bagi meredakan kegusaran pengguna, kerajaan perlu memastikan pemantauan harga jualan ayam dilaksanakan menyeluruh bagi memastikan harga jualan ayam di pasaran berpatutan dan tidak membebankan.

Sekiranya berlaku peningkatan harga ayam tidak munasabah, kerajaan boleh melaksanakan tindakan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 bagi memastikan tiada aktiviti pengambilan untung berlebihan atau aktiviti manipulasi harga peniaga tidak bertanggungjawab.

Program seperti jualan Agro MADANI dilaksanakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan jualan dengan harga Rahmah perlu diperluaskan bagi mengimbangi jangkaan kenaikan harga ayam, terutama kepada golongan akan menerima kesan ketara seperti B40 dan peniaga makanan kecil-kecilan.

Pemantauan harga pasaran ayam ini tidak hanya menjadi peranan kerajaan secara khusus, namun rakyat juga boleh menjadi sumber data harga telus kepada kerajaan. Sekiranya didapati ada harga jualan ayam tidak munasabah dilaporkan di pasaran, kerajaan boleh mengambil tindakan sewajarnya kepada peniaga tidak bertanggungjawab.

Bagi jangka panjang, langkah mengapungkan harga ayam mengikut harga ditentukan pasaran kini dilihat sebagai langkah terbaik bagi memastikan kemampanan industri. Ia mampu menghasilkan industri lebih kompetitif, seterusnya menangani masalah kekurangan bekalan dan menjamin kestabilan harga ayam pada masa hadapan.

Aktiviti penyelidikan berterusan perlu dilaksanakan, terutama bagi menangani isu kebergantungan terhadap input makanan haiwan seperti jagung bijirin, iaitu kos terbesar dalam pengeluaran ayam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/11/2023 | THE SUN | NATIONAL | 3 |

Zainizam said there were many chicken producers in the country and consumers could differentiate between prices and the quality of products offered. – BERNAMAPIC




# Chicken price float expected to benefit consumers

Competitiveness among those in supply chain triggered by removal of subsidies would keep prices fair: Expert

**IPOH:** The government's move to float chicken prices will benefit consumers as chicken producers, wholesalers and retailers will compete to offer competitive prices to customers.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Management and Economic Faculty, Economics Department Head Assoc Prof Dr Zainizam Zakariya said they would need to do so to avoid losing business as consumers would go for the lowest prices.

"Almost a week after the subsidies for chicken ended, market prices for chicken are competitive and much lower than subsidised prices, which is at a national average of RM8.51 per kg for standard chicken while in Peninsular Malaysia, it is RM8.49.

"Chicken is being offered at even lower prices at supermarkets, as low as RM7.49 a kg. In Terengganu, media reports showed that fresh chicken prices have dropped by around 15% or by RM1.40 a kg, with traders selling at between RM7.20 and RM7.99 a kg."

He added that the government's move to discontinue chicken subsidies could indirectly save almost RM4 billion in expenditure annually and that as of February, the government has spent RM3.8 billion in subsidies for chicken, with breeders being the direct beneficiaries.

"Even with subsidised prices, the price of chicken was still high during festive seasons. The question is, who benefits from chicken subsidies? Obviously not consumers," Zainizam said.

He added that with floating prices based on the mechanism of supply and demand, the chicken industry would be more dynamic and attract investment and the use of the latest technology that would reduce production costs.

Zainizam also said there were many chicken producers in the country and consumers could differentiate prices and the quality of products offered, Bernama reported.

He said there were concerns that the drop in chicken prices was only temporary in nature, deliberately brought about by breeders who intended to "kill off" smaller operators through pricing mechanisms.

"Using this method, large-scale breeders lower prices to ensure small-scale breeders cannot compete on the open market and will eventually shutter their operations.

"Without healthy competition, large-scale breeders might be able to monopolise the price of chicken in the long term. So, what we should hope for is the government and related agencies monitoring the situation periodically to ensure there is no drastic rise in chicken prices that would negatively impact consumers," he said.

On Oct 30, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced the termination of chicken subsidies and price controls effective Nov 1, in line with the approach of readjusting subsidies in phases.